

PUISI TRADISIONAL: PANTUN NASIHAT (tingkatan 2)

Padankan setiap rangkap pantun di bawah dengan maksudnya.

RANGKAP:	MAKSUD:
Tanam balik buah peria, Buah peria mahal sekali; Buat baik berpada-pada, Buat jahat jangan sekali.	Jangan dibiarkan perasaan sedih dan risau berpanjangan.
Ketua-ketua raja duduk, Jangan ditimpa pagan; Diketahui ganja itu mabuk, Apakah sebab maka dimakan?	Sesuatu yang haram dan memabukkan hendaklah tidak diambil sama sekali.
Meninjau berpadi masak, Batang kapas bertimbul jalan; Hati risau dibawa gelak, Bagai panas mengandung hujan.	Jika hendak membuat pekerjaan yang baik, janganlah berlebih- lebihan sehingga tidak kena pada tempatnyanya, dan pekerjaan yang jahat hendaklah dihindarkan sama sekali.
Pulau di balik Pulau Gosong, Pandan di Jawa diranggungkan; Jangan kata terdorong-dorong, Badan dan nyawa menanggungkan.	Seseorang isteri hendaklah mengelakkan diri daripada memarahi suami yang sedang letih kerana dikhuatiri dia akan mencari perempuan lain.
Hangus bertih berwarna merah, Mari dituang ke dalam kain; Suami yang letih usah dimarah, Kelak terbang ke bunga lain.	tutur kata haruslah sentiasa dijaga agar kita tidak menanggung sengsara.
Anak Cina membawa surat, Dari Perak langsung ke Deli; Hidup di dunia biar beradat, Bahasa tidak dijual beli.	hendaklah beradat ketika hidup di dunia dan bahasa itu tidak dapat dijual beli.
Pisang kelat digonggong helang, Jatuh ke lubuk Inderagiri; Jikalau berdagang ke rantau orang, Baik-baik membawa diri.	para perantau dinasihatkan agar pandai membawa diri di tempat orang

(Dipetik daripada antologi Baik Budi,
Indah Bahasa, Tingkatan 2,
Arah Pendidikan Sdn. Bhd.)

Pilih gaya bahasa yang tepat bagi setiap baris pantun berikut:

Gaya Bahasa

	Buat baik berpada-pada, Buat jahat jangan sekali.
	Buat jahat jangan sekali;
	buah peria; padi; kapas; panas; hujan; pulau;
	buah peria (rangkap 1, baris 1 dan 2)
	Bagai panas mengandung hujan.

Isi tempat kosong (nombor perlu dieja-huruf kecil):

Bentuk

- Pantun ini terdiri daripada rangkap.
- Bilangan baris pada setiap rangkap adalah sama iaitu baris satu rangkap.
- Jumlah suku kata dalam pantun ini antara hingga sebelas suku kata.
- Pantun ini berbentuk

Tarik nilai yang tepat untuk dipadankan dengan pengajaran berikut:

Nilai dan Pengajaran

Nilai ketabahan	Nilai baik hati .	Nilai rasional .	Nilai berhati-hati .
------------------------	--------------------------	-------------------------	-----------------------------

Nilai	Pengajaran
	Kita hendaklah sentiasa melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada melakukan kemungkaran.
	Kita mestilah mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang haram supaya hidup kita tidak binasa.
	Kita hendaklah tidak terlalu bersedih dengan dugaan yang menimpa diri kerana perbuatan tersebut akan memudaratkan diri sendiri.
	Kita mestilah berhati-hati dengan tutur kata supaya diri kita terhindar daripada sebarang bencana.